

### SOALAN LAZIM (FAQ)

## **DISKAUN BIL ELEKTRIK PAKEJ PERLINDUNGAN EKONOMI & RAKYAT MALAYSIA (PERMAI 2021)**

### **BAGI PEMEGANG LESEN AWAM PENGAGIHAN DAN PENGGUNANYA DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

#### **BAHAGIAN 1: MAKLUMAT AM**

##### **1. Apakah Diskaun Bil Elektrik yang boleh saya perolehi berikutan penularan Wabak COVID-19?**

Dalam Pakej Perlindungan Ekonomi & Rakyat Malaysia (PERMAI 2021) yang diumumkan oleh Kerajaan pada 18 Januari 2021, enam (6) sektor perniagaan terpilih yang terjejas berikutan penularan wabak COVID-19 akan menerima diskau 10% bagi penggunaan elektrik mulai 1 Januari hingga 31 Mac 2021.

##### **2. Siapakah yang layak menerima diskau bil elektrik di bawah Pakej Perlindungan Ekonomi & Rakyat Malaysia (PERMAI 2021)?**

Pemegang Lesen Awam Pengagihan (LAP) dan pengguna-penggunanya dari kategori Perdagangan bagi 6 sektor berikut layak menerima diskau ke atas bil elektrik:

- i) Pengendali Hotel;
- ii) Taman Tema;
- iii) Pusat Konvensyen;
- iv) Kompleks Membeli Belah;
- v) Pejabat Syarikat Penerbangan Tempatan; dan
- vi) Agensi Pengembaraan dan Pelancongan.

Kelayakan bagi kategori (iv), kompleks membeli belah, terpakai kepada pemegang LAP dan penggunanya yang mempunyai kriteria seperti berikut:

<b>Definisi</b>	<b>Contoh</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Operator/Pengendali kompleks membeli belah</b> yang menanggung kos operasi pengendalian keseluruhan kompleks membeli belah seperti kos penyelenggaraan kawasan umum, tempat meletak kenderaan, lif dan sebagainya.</li></ul>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Operator kompleks membeli belah KL Gateway:<ul style="list-style-type: none"><li>• Suez Domain Sdn Bhd sebagai operator KL Gateway layak mendapat diskau 10%.</li></ul></li><li>2. Operator IOI City Mall Putrajaya<ul style="list-style-type: none"><li>• IOI City Mall Sdn Bhd sebagai operator IOI Mall Putrajaya layak mendapat diskau 10%</li></ul></li></ol>
<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Pasar raya</b> di dalam kompleks membeli belah yang lesen perniagaannya <b>menyatakan dengan jelas bahawa butiran perniagaan adalah sebagai <u>pasar raya</u>.</b>*</li></ul>	Antara contoh adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"><li>i. Village Grocer Bangsar Sdn Bhd</li><li>ii. Aeon Co (M) Bhd</li><li>iii. Aeon Big (M) Sdn Bhd</li><li>iv. Isetan Of Japan Sdn Bhd</li></ol>

	v. Sogo (K.L.) Department Store Sdn Bhd vi. Trendcell Sdn Bhd (Jaya Grocer)
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Tiada diskaun diberikan kepada lot-lot perniagaan/kedai di dalam kompleks membeli belah,</b> seperti mana seperti pengguna komersial yang lain.</li> <li>• Kelayakan penerimaan diskaun 10% bagi lot-lot perniagaan/kedai di dalam kompleks membeli belah masih tertakluk kepada 6 sektor perniagaan terpilih.</li> </ul>	1. Contohnya kedai baju, cermin mata, kedai kasut dan sebagainya di dalam kompleks membeli belah KL Gateway <b>tidak termasuk</b> di dalam 6 sektor perniagaan terpilih.  2. Sekiranya di dalam kompleks membeli belah tersebut mempunyai lot perniagaan yang disewa oleh agensi pelancongan atau pengendali hotel maka lot tersebut <b>layak mendapat diskaun 10%</b> .

Nota: \*Berdasarkan keputusan Kerajaan

### 3. Berapakah jumlah diskaun yang akan diberi?

Diskaun 10% akan diterima oleh pemegang LAP dan pengguna-penggunanya bagi 6 sektor perniagaan terpilih seperti di perenggan 2.

### 4. Bilakah tempoh layak menerima diskaun bil elektrik ini?

Diskaun bil elektrik di bawah Pakej PERMAI 2021 ini adalah diberikan untuk tempoh tiga (3) bulan bagi penggunaan elektrik mulai 1 Januari hingga 31 Mac 2021.

Ini bermakna bagi bil elektrik yang diterima dalam bulan Januari 2021 dan meliputi penggunaan elektrik untuk bulan Disember 2020 dan Januari 2021, diskaun akan dikira secara prorata berdasarkan penggunaan dalam bulan Januari 2021. Sekiranya bil yang diterima dalam bulan Januari 2021 hanya meliputi penggunaan sehingga 31 Disember 2020, tiada diskaun yang akan diterima oleh pengguna bagi bil tersebut.

Bermula 1 Februari 2021, pengguna akan menerima pemakluman dan bil dengan diskaun PERMAI 2021 bagi penggunaan elektrik mulai 1 Januari 2021.

### 5. Apakah jenis-jenis tarif yang layak menerima diskaun bil elektrik?

Jenis-jenis tarif yang layak menerima diskaun bil elektrik di bawah Pakej PERMAI 2021 adalah seperti berikut:

Kategori Pengguna	Tarif	Kadar Diskaun
Perdagangan - 6 sektor perniagaan terpilih	B, C1, C2 dan Perjanjian Khas*	10%

Nota:

Perjanjian Khas adalah merujuk kepada pengguna seperti pengguna co-generator, pengguna di pulau-pulau dengan Tarif Khas, pengguna-pengguna keretapi ber-rel seperti KTM *double track*, MRT, LRT, ERL dan seumpamanya.

\* Yang diluluskan oleh KeTSA sahaja

## **BAHAGIAN 2: KELAYAKAN BAGI ENAM (6) SEKTOR PERNIAGAAN TERPILIH**

### **6. Apakah sektor perniagaan yang layak menerima diskaun sebanyak 10%?**

Enam (6) sektor perniagaan terpilih yang telah dikenal pasti oleh Kerajaan bagi diskaun 10% ialah:

- i) Pengendali Hotel;
- ii) Taman Tema;
- iii) Pusat Konvensyen;
- iv) Kompleks Membeli Belah;
- v) Pejabat Syarikat Penerbangan Tempatan; dan
- vi) Agensi Pengembaraan dan Pelancongan.

Kelayakan bagi kategori kompleks membeli belah, penerangan adalah seperti di perenggan 2.

Pemegang LAP dan pengguna perdagangan dari 6 sektor perniagaan terpilih yang telah menerima diskaun 15% di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE2020) akan secara automatik layak menuntut diskaun 10% di bawah Pakej PERMAI 2021 daripada dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE).

Bagi pemegang LAP dan pengguna perdagangan dari 6 sektor perniagaan terpilih yang pertama kali menuntut diskaun daripada dana KWIE, pengesahan kelayakan akan dilaksanakan sebelum tuntutan boleh dikemukakan kepada KWIE.

Rujuk perenggan 8 untuk proses pengesahan kelayakan tuntutan diskaun.

### **7. Adakah saya layak untuk menerima diskaun 10% untuk kesemua akaun berdaftar sekiranya mempunyai lebih dari satu akaun elektrik?**

Ya. Bagi pengguna yang mempunyai lebih daripada satu akaun berdaftar dalam enam (6) sektor perniagaan terpilih dan semua akaun telah disahkan layak oleh Kerajaan, maka kesemua akaun tersebut adalah layak menerima diskaun bil elektrik 10%.

### **8. Saya merupakan pemegang LAP atau pengguna LAP yang pertama kali menuntut diskaun daripada dana KWIE. Bagaimanakah saya boleh memohon diskaun 10% tersebut?**

Pemegang LAP atau penggunanya yang pertama kali menuntut diskaun daripada dana KWIE boleh memohon diskaun 10% dengan mengambil tindakan seperti berikut:

- a. Lengkapkan Borang Pengistiharan Maklumat PERMAI 2021 (Borang ST/KWIE/B01(S)/2021) seperti di Lampiran 1.
- b. Kembalikan semula Borang Pengistiharan Maklumat PERMAI 2021 yang lengkap kepada Unit KWIE, ST selewat-lewatnya sebelum atau pada **5 Februari 2021** secara:

- Hantarkan borang kepada Unit Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE), Jabatan Kawal Selia Ekonomi, Suruhanjaya Tenaga, No. 12, Persiaran Tun Hussein, Presint 2, 62100 Putrajaya.; dan
- Emelkan borang kepada [stlap@st.gov.my](mailto:stlap@st.gov.my) dan [ukwie@st.gov.my](mailto:ukwie@st.gov.my).

Seterusnya, ST akan melakukan semakan silang dan proses saringan pemegang LAP dan penggunanya yang layak dan memajukan permohonan yang lengkap kepada Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) bagi tujuan pengesahan dan kelulusan untuk mendapat diskaun 10%.

Maklumat dan akaun pemegang LAP dan pengguna LAP yang layak dan telah diluluskan untuk mendapat diskaun 10% ini akan dikemaskini dan dimuat naik di dalam laman sesawang KeTSA. Pemegang LAP dan penggunanya boleh menyemak status kelayakan diskaun 10% di laman sesawang KeTSA dan seterusnya mengemukakan borang tuntutan diskaun setelah kelayakan disahkan. Semakan kelayakan boleh disemak di pautan seperti berikut: <http://www.ketsa.gov.my/semakandiskaunbilelektrik10PERMAI2021/Pages/default.aspx>

**9. Apakah yang terjadi sekiranya status pengesahan kelayakan saya lambat diketahui sehingga melangkaui bulan berikutnya?**

Sekiranya terdapat jurang masa antara pengesahan kelayakan dan pelaksanaan pemberian diskaun, pemberian diskaun sebenar bagi bulan yang berkenaan akan dilakukan pada bulan berikutnya.

Contohnya, sekiranya disahkan layak, pemegang LAP boleh memberikan diskaun kepada pengguna, dan jika telah melangkaui bulan berikutnya, sebagai contoh, status kelayakan diketahui pada bulan Februari (bagi tuntutan Januari), pemberian diskaun dan tuntutan kepada pihak KWIE boleh dilakukan secara *backdated* pada bulan yang berkenaan iaitu bulan Mac.

### **BAHAGIAN 3: PERMOHONAN RAYUAN**

**10. Saya termasuk dalam enam (6) sektor perniagaan terpilih yang layak menerima diskaun 10% tetapi apabila menyemak penggunaan elektrik untuk bulan Januari 2021, saya dapat tiada diskaun diberikan. Bagaimana saya boleh memohon diskaun tersebut?**

Pemegang LAP dan penggunanya dari 6 sektor perniagaan terpilih di mana akaun elektrik mereka tidak termasuk dalam senarai awal yang diluluskan Kerajaan, boleh membuat rayuan dengan mengambil langkah-langkah seperti di perenggan 8.

**11. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh pemegang LAP dan penggunanya yang tiada dalam senarai pihak Kerajaan untuk melayakkan mereka menerima diskaun 10% ini?**

Bagi pemegang LAP dan penggunanya di bawah 6 sektor perniagaan terpilih yang tidak tersenarai dalam senarai awal yang disahkan layak oleh pihak Kerajaan, pemegang LAP dan penggunanya boleh mengemukakan rayuan dengan mengambil tindakan seperti dinyatakan di perenggan 8.

Walau bagaimanapun, permohonan rayuan hanya boleh dikemukakan sekali sahaja, iaitu kepada:

- Pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB), jika mendapat bekalan elektrik terus daripada TNB; atau
- Dana KWIE jika mendapat bekalan elektrik terus daripada pemegang LAP

Sekiranya didapati permohonan rayuan dikemukakan kepada kedua-dua pihak, permohonan tersebut akan dibatalkan secara automatik, dan tidak akan dipertimbangkan.

**12. Jika permohonan saya bagi diskau bil elektrik 10% diluluskan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli selepas 1 Februari 2021, bolehkah saya membuat tuntutan diskau bil elektrik 10% bermula dari 1 Januari 2021?**

Ya. Kelayakan pengguna akan dikira mulai penggunaan 1 Januari 2021 dan pelarasan sewajarnya perlu dilaksanakan oleh pemegang LAP ke atas bil penggunanya.

**13. Di manakah saya boleh membuat semakan sama ada akaun elektrik saya telah tersenarai untuk menerima diskau bil elektrik 10%?**

Anda boleh membuat semakan kelayakan di laman sesawang KeTSA dengan memasukkan nombor akaun elektrik berdaftar anda di pautan seperti berikut:  
<http://www.ketsa.gov.my/semakandiskaunderk10PERMAI2021/Pages/default.aspx>

**14. Adakah pemberian diskau bil elektrik 10% diberi secara automatik?**

Ya. Pemberian diskau 10% diberi secara automatik kepada pemegang LAP dan penggunanya dalam 6 sektor perniagaan terpilih di mana akaun elektrik mereka telah diluluskan oleh pihak Kerajaan.

Bagi pengguna dalam 6 sektor perniagaan terpilih yang akaun elektrik mereka tidak termasuk dalam senarai yang telah diluluskan, pengguna boleh membuat rayuan melalui proses seperti dinyatakan di dalam perenggan 8 di atas.

**BAHAGIAN 4: KAEDAH PENGIRAAN DISKAUN**

**15. Bagaimanakah pengiraan diskau bil elektrik dibuat?**

Diskau bil elektrik dikira ke atas jumlah bil semasa seperti berikut:

<b>Formula Pengiraan Diskau =</b>	<b>% Diskau x Caj dalam RM (kW + kWj) + ICPT + Diskau Lain (Sekiranya Ada)</b>
-----------------------------------	--

Keterangan:

Jenis Caj	Keterangan
kWj	Caj Penggunaan Elektrik
kW	Caj Kehendak Maksimum
ICPT	<i>Imbalance Cost Pass Through</i> atau Pelepasan Imbalan Kos Bahan Api dan Penjanaan
Diskaun	Diskaun sediada seperti 10% bagi institusi pendidikan

Nota: Jenis caj yang tidak diambilkira untuk Diskaun Bil Elektrik ialah Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu, Surcaj Angkadar Kuasa, Penalti Lewat Bayar, Surcaj Alat Kimpal, Deposit, Tambahan, Lampu Jalan Individu, Caj Minimum Bulanan dan Caj Bekalan Sementara.

**16. Saya telah menerima bil anggaran (Bil E) dengan diskaun elektrik, adakah saya akan menerima diskaun elektrik apabila menerima bil dengan bacaan sebenar?**

Ya. Bil anggaran yang dikeluarkan akan diselaraskan apabila bacaan sebenar diperolehi. Pelarasian juga akan dibuat ke atas diskaun elektrik.

**17. Adakah terdapat had masa bagi pelarasian diskaun untuk bil anggaran?**

Bagi pengguna yang menerima bil anggaran (Bil E), pelarasian diskaun bagi bil anggaran akan dibuat sehingga pengebilan **30 Jun 2021** sahaja. Sekiranya bil sehingga pengebilan **30 Jun 2021** masih berstatus E, maka diskaun yang telah diberikan dianggap muktamad dan tiada lagi pelarasian akan dibuat setelah bil sebenar diperolehi.

## **BAHAGIAN 5: PROSES TUNTUTAN DISKAUN**

**18. Bagaimana saya boleh mengemukakan tuntutan diskaun kepada dana KWIE?**

Pemegang LAP dan penggunanya hendaklah mengemukakan tuntutan diskaun kepada dana KWIE secara bulanan. Dokumen-dokumen tuntutan yang perlu disertakan bersama tuntutan adalah:

- Invois tuntutan dari Pemegang LAP (Lampiran 2);
- Borang Tuntutan Diskaun:
  - ST/KWIE/B02(S)/2021** - Borang Ringkasan Tuntutan Diskaun PERMAI 2021 (Lampiran 3);
  - ST/KWIE/B02-1(S)/2021** - Borang Tuntutan Diskaun PERMAI 2021 – Butiran Bagi Senarai Pengguna 6 Sektor Terpilih (Lampiran 3);
- Sekurang-kurangnya tiga (3) bil elektrik pengguna bagi setiap kategori, yang dibilkan oleh Pemegang LAP;
- Bil elektrik bagi bulan tuntutan yang diterima oleh Pemegang LAP daripada TNB; dan
- Maklumat perbankan Pemegang LAP (sila lampirkan salinan penyata/buku bank yang mengandungi maklumat dan nombor akaun bank) bagi tujuan pembayaran diskaun tuntutan (Lampiran 2).

Bagi dokumen di perenggan 18(b), pemegang LAP dikehendaki mengemukakan juga dokumen dalam format Excel melalui emel.

Semua dokumen tuntutan yang lengkap perlu dikemukakan kepada ST melalui emel kepada [ukwie@st.gov.my](mailto:ukwie@st.gov.my) dan semua dokumen asal perlulah dihantar ke alamat seperti di bawah:

Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Tenaga  
No. 12, Persiaran Tun Hussein,  
Presint 2, 62100 Putrajaya.  
(U/p: Unit Kumpulan Wang Industri Elektrik)

**19. Apakah proses yang dilalui untuk mengemukakan tuntutan diskaun kepada dana KWIE?**

Proses yang akan dilalui untuk mengemukakan tuntutan diskaun kepada dana KWIE adalah seperti berikut:

Pemegang LAP mengemukakan Borang Pengistiharan Maklumat bagi mengesahkan kelayakan penerimaan diskaun\*

Borang Pengistiharan Maklumat disaring dan kelayakan penerimaan diskaun disahkan. Pemegang LAP menyemak status kelayakan di laman sesawang KeTSA

Pemegang LAP mengemukakan tuntutan diskaun kepada dana KWIE bersama dokumen tuntutan yang lengkap

Semakan dan pengesahan dilaksanakan ke atas semua dokumen tuntutan yang dikemukakan oleh pemegang LAP

Pembayaran tuntutan dijelaskan setelah semua dokumen lengkap disemak dan disahkan

Nota: Pemegang LAP dan pengguna perdagangan dari 6 sektor terpilih yang telah menerima diskaun 15% di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 akan secara automatik layak menuntut diskaun 10% di bawah Pakej Permai 2021 daripada dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE).

**BAHAGIAN 6: SALURAN PERTANYAAN**

**20. Siapakah yang boleh dihubungi bagi mendapatkan maklumat diskaun PERMAI 2021 berkenaan pengguna di bawah LAP dengan lebih lanjut?**

- (a) Pengguna/pemegang LAP juga boleh menghubungi talian hotline **Suruhanjaya Tenaga/Unit KWIE** di **8870 8500**.
- (b) Pengguna/pemegang LAP juga boleh mengemukakan pertanyaan melalui emel kepada [stlap@st.gov.my](mailto:stlap@st.gov.my) atau [ukwie@st.gov.my](mailto:ukwie@st.gov.my).

**BORANG PENGISYIHKAN MAKLUMAT BAGI PAKEJ PERLINDUNGAN EKONOMI & RAKYAT  
MALAYSIA (PERMAI 2021) OLEH PEMEGANG LESEN AWAM PENGAGIHAN (LAP)**

<b>A</b>	<b>MAKLUMAT INDIVIDU/SYARIKAT</b>
Syarikat	
No Pendaftaran Syarikat	
Alamat Syarikat	
Alamat Surat-Menyurat (jika lain dari di atas)	
No. Lesen Suruhanjaya Tenaga	
No. Akaun TNB	
No Telefon	
Alamat Emel	
Nama Pegawai Untuk Dihubungi:	

<b>MAKLUMAT PELANGGAN</b>						
Untuk menuntut diskaun PERMAI 2021, Pemegang LAP dikehendaki mengisi maklumat pelanggan berdasarkan kod jenis tarif dan sektor seperti berikut:						
Sektor		A	Pengendali Hotel	D	Kompleks Membeli Belah	
		B	Taman Tema		E	Pejabat Syarikat Penerangan Tempatan
		C	Pusat Konvensyen		F	Agenzia Pengembalaan dan Pelancongan
Bil.	Nama Pengguna (Syarikat)		Jenis *Tarif	**Sektor	No Akaun di Bil Elektrik	
1						
2						
3						
4						
5						
6						
7						
8						
9						
10						
11						
12						
13						
14						
15						
16						
17						
18						
19						

20				
21				
22				
23				
24				
25				
(Sila tambah jika ruangan ini tidak mencukupi)				

**Nota:** Sila senaraikan nama pengguna/syarikat mengikut kategori sektor

\* seperti di buku tariff

\*\*Semua sektor yang memohon diskaun PERMAI 2021 perlulah berdaftar dengan pihak Kerajaan.

C	PENGESAHAN	
<b>Saya mengesahkan maklumat pelanggan yang dikemukakan seperti di ruangan B adalah benar.</b>		
Tandatangan Pegawai		Cop Syarikat
Nama		
Jawatan		
Tarikh		

Penafian:	
<ul style="list-style-type: none"> <li>* Pengistiharan maklumat pelanggan di ruangan B adalah tanggungjawab sepenuhnya oleh Pemegang Lesen Awam Pengagihan dan tertakluk kepada proses pengauditan oleh pihak Kerajaan/Suruhanjaya Tenaga.</li> </ul>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>* Kesahihan dan ketepatan maklumat yang diberikan adalah tertakluk kepada seksyen 8(d) Akta Bekalan Elektrik 1990: 'dengan disedarinya memberikan maklumat palsu, melakukan kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya'.</li> </ul>	

[Letter Head Syarikat]

**Nota Debit/ Inbois****Tarikh:****No. Nota Debit/ Inbois:***Suruhanjaya Tenaga**No. 12, Jalan Tun Hussein, Presint 2, 62100 Putrajaya.**(U/p: Unit Kumpulan Wang Industri Elektrik*

No	Kategori Pengguna (Sektor)	Jumlah Tuntutan (RM)
1	Pengendali Hotel	
2	Taman Tema	
3	Pusat Konvensyen	
4	Kompleks Membeli Belah	
5	Pejabat Syarikat Penerbangan Tempatan	
6	Agensi Pengembawaan dan Pelancongan	
JUMLAH KESELURUHAN TUNTUTAN (RM)		

**Maklumat Pembayaran**

Nama Akaun:	
Nama Bank:	
No. Akaun:	
Swift Code:	
Alamat Bank:	

**Pengesahan**

Disediakan oleh:  (_____ Nama: Jawatan: Tarikh:	Disemak oleh:  (_____ Nama: Jawatan: Tarikh:	Diluluskan oleh:  (_____ Nama: Jawatan: Tarikh:
--	---	--

## BORANG TUNTUTAN DISKAUN PAKEJ PERLINDUNGAN EKONOMI & RAKYAT MALAYSIA (PERMAI 2021)

<b>Maklumat Umum Tuntutan</b>	
Nama Syarikat Pemegang Lesen:	
No. Lesen Suruhanjaya Tenaga:	
No. Akaun TNB	
Pegawai Untuk Dihubungi:	
No. Telefon dan Alamat Emel:	

<b>Bulan Tuntutan</b>	(Sila nyatakan)
-----------------------	-----------------

<b>Ringkasan Bil Tenaga Nasional Berhad (TNB)</b>			
Bulan Semasa	Tarikh Penerimaan Bil	Jumlah Kapasiti Penggunaan (kW)	Jumlah Bil (RM)

<b>Ringkasan Tuntutan Diskaun Mengikut Kategori Pengguna</b>					
No	Kategori Pengguna (Sektor)	Jumlah Bilangan Pengguna	Jumlah Kapasiti Penggunaan (kW)	Jumlah Bil (RM)	Jumlah Tuntutan Diskaun (RM)
1	Pengendali Hotel				
2	Taman Tema				
3	Pusat Konvensyen				
4	Kompleks Membeli Belah				
5	Pejabat Syarikat Penerbangan Tempatan				
6	Agenzia Pengembalaan dan Pelancongan				
<b>JUMLAH KESELURUHAN TUNTUTAN (RM)</b>					

(Sila lampirkan butiran pengguna bagi setiap kategori dengan jumlah bil bulanan beserta diskau yang telah diberikan)

<b>Disahkan Oleh:</b>	Nama: Jawatan: Tarikh:
-----------------------	------------------------------

**BUTIRAN TUNTUTAN BAGI SENARAI PENGGUNA DARI 6 SEKTOR TERPILIH - PERMAI 2021**

No	Lot/ Unit No.	Nama Pengguna/ Syarikat	No. Syarikat	Sektor (Nota 1)	Kapasiti penggunaan (kWj)	Jumlah Bil kpd Pengguna (RM)	Jumlah 10% diskaun yang diberikan kepada pengguna dan dituntut daripada KWIE (RM)
1							
2							
3							
4							
5							
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>							

(Sila lampirkan 3 contoh bil kepada pengguna)

Nota:

1. Pengguna yang disenaraikan adalah disahkan layak menerima diskaun 10% bagi 6 sektor berikut:
  - A. Pengendali Hotel
  - B. Taman Tema
  - C. Pusat Konvensyen
  - D. Kompleks Membeli Belah
  - E. Pejabat Syarikat Penerangan Tempatan
  - F. Agensi Pengembalaan dan Pelancongan
2. Pengguna yang disenaraikan adalah pengguna yang dibil secara terus oleh Pemegang LAP.
3. Sekiranya Pemegang LAP menerima 10% diskaun secara automatik daripada TNB, TIADA tuntutan daripada KWIE.
4. Sekiranya Pemegang LAP (TARIF KHAS) yang TIDAK menerima diskaun daripada TNB, **disahkan** layak menerima diskaun 10%, Pemegang LAP boleh menuntut diskaun 10% berkenaan daripada KWIE.